

31 JUL 2002

PERDANA MENTERI LETAK KALUNGAN BUNGA SEMPENA HARI PAHLAWAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara di sini sempena sambutan Hari Pahlawan.

Setibanya pada 8 pagi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memeriksa barisan kehormat 103 anggota dari Rejimen Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Mejar Abu Samah Mohd Nor selepas menerima "Hormat Perdana".

Upacara dimulakan dengan tiupan "Last Post" dan diikuti bacaan sajak bertajuk "Pahlawan" oleh Mejar (B) Mohamed Awang yang merupakan hasil ciptaan beliau sendiri.

Dr Mahathir memulakan acara perletakan bunga itu, diikuti Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Ia diikuti dengan perletakan bunga oleh Panglima Tentera Darat, Jen. Tan Sri Md. Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal, Panglima Tentera Udara, Jen. Datuk Seri Suleiman Mahmud, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Datuk Mohamad Abdul Ghani dan Presiden Persatuan Bekas Polis, Senator Datuk Mansor H.M. Jaafar.

Turut hadir pada majlis pagi ini ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan barisan menteri kabinet.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun sebagai memperingati dan menghargai jasa pahlawan negara yang telah terkorban dan yang tercedera semasa mempertahankan negara.

-- BERNAMA

AZH AZH MFJ ROS